

# PELAKSANAAN KOMPOSISI PENGAJARAN GPI MENGINTEGRASIKAN KBAT DALAM PENDIDIKAN ISLAM BERDASARKAN KELAYAKAN AKADEMIK DAN PENGALAMAN MENGAJAR

Mohd Syaubari Othman

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

Corresponding Author's Email: [syaubari@fpm.upsi.edu.my](mailto:syaubari@fpm.upsi.edu.my)

*Article History:* Received 27 January 2022, Revised: 22 February 2022, Accepted: 28 May 2022

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan komposisi pengajaran GPI mengintegrasikan KBAT dalam pendidikan Islam dari aspek kelayakan akademik dan pengalaman mengajar. Kajian ini melibatkan guru-guru pendidikan Islam di seluruh negara. Komponen berfikir aras tinggi seperti kemahiran banding beza, kemahiran menyusun urutan, kemahiran membuat ramalan, kemahiran membuat definisi dan kemahiran mencipta analogi yang di lihat dalam tiga komponen komposisi pengajaran guru iaitu permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran dipilih sebagai kerangka konseptual kajian. Kajian ini menggunakan analisis inferensi (melalui instrumen soal selidik). Kesemua instrumen pengutipan data ini dibina penyelidik dengan pengubahsuaian daripada instrumen KBAT Kementerian Pendidikan Malaysia dan pakar yang terlibat serta kandungannya disahkan oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach yang diperolehi adalah tinggi iaitu permulaan pengajaran (0.7727), perkembangan pengajaran (0.8132) dan penutup pengajaran (0.8905) Seramai 402 orang guru pendidikan Islam dipilih secara rawak mudah untuk menjawab instrumen soal selidik. Data kajian di analisis secara inferensi menggunakan analisis MANOVA. Secara keseluruhannya, pelaksanaan komposisi pengajaran yang mengintegrasikan KBAT dari aspek tahap akademik menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan sama ada bagi guru yang mempunyai diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana. Namun, bagi aspek pengalaman mengajar menunjukkan perbezaan khususnya pada peringkat perkembangan pengajaran. Implikasi dan cadangan yang dikemukakan dapat memberi gambaran yang bermanfaat kepada kementerian, sekolah, guru dan masyarakat dalam meningkatkan tahap pengamalan khususnya di kalangan GPI berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti yang dihasratkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.

**Kata Kunci:** Komposisi pengajaran, kelayakan akademik, KBAT, pengalaman mengajar

## ABSTRACT

*This study aims to identify the implementation of GPI teaching composition integrating KBAT in Islamic education from academic qualification and teaching experience. This study involves Islamic education teachers across the country. High-level thinking components such as different comparative skills, sequencing skills, predictive skills, defining skills and creating analogy are seen in three components of teacher teaching composition, beginning, development and teaching cover are selected as a conceptual framework of study. This study uses an inference analysis (through a questionnaire instrument). All data collection instruments were developed by the researchers with modification from the HOTS instrument of the Ministry of Education Malaysia and the experts involved and their contents were confirmed by the expert panel of expertise. The level of Cronbach alpha reliability was high, beginning of teaching (0.7727), teaching development (0.8132) and teaching cover (0.8905) A total of 402 Islamic education teachers were randomly selected to answer the questionnaire instrument. The data in the analysis are inferred using MANOVA analysis. Overall, the implementation of teaching composition that integrates HOTS from the academic aspect shows no significant difference either for teachers with diplomas, undergraduate and undergraduate degrees. However, the aspect of teaching experience shows the difference especially in the development stage). The implications and recommendations suggested to the ministries, schools, teachers and the community to improve the level of practice, especially teachers based on high-level thinking skills (HOTS) as intended in the 2013-2025 Education Development Plan.*

**Keywords:** *Composition of teaching, academic qualification, KBAT, teaching experience*

## 1.0 PENGENALAN

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah kemahiran yang memerlukan mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, merefleksikan dan menghubungkan dengan situasi semasa. Penekanan KBAT ini dalam sistem pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula 1993. Proses pelaksanaan KBAT di Malaysia adalah bersumberkan taksonomi bloom dan diubahsuai oleh Lorin Anderson menerusi empat heiraki teratas iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Transformasi kurikulum pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberi penekanan utama terhadap konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berupaya melahirkan generasi mempunyai keupayaan dalam pemikiran kritis dan kreatif. Pendekatan ini diperkenalkan untuk mencapai matlamat utama pendidikan iaitu menghasilkan lebih banyak pelajar yang mempunyai keupayaan kognitif

aras tinggi melalui pedagogi secara pembelajaran aktif di dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun, matlamat masih belum tercapai sepenuhnya maka pelbagai pendekatan telah diperkenalkan untuk menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia. Menurut (Amabile et al., 2010).

*“Jika inginkan pelajar yang berpotensi untuk berfikir dan mampu menyelesaikan masalah kita perlu mula menyediakan tugas-tugas yang kompleks yang berkognitif tinggi”.*

Maka pengertian ini bertepatan dengan penekanan yang diberikan oleh Islam iaitu keupayaan akal merupakan elemen utama dalam pembentukan pelajar yang bersifat holistik iaitu keseimbangan di antara kecemerlangan akademik dan kemantapan sahsiah. Islam menekankan penggunaan keupayaan akal yang optimum sejak berates tahun dahulu sebelum barat memperkenalkan, namun ianya tidak digarapkan dan ditransformasikan sehingga memperlihatkan bahawa ilmuan barat yang meneroka pemikiran aras tinggi ini. Ini dibuktikan daripada ayat Al-Quran

Ini di sokong daripada ungkapan oleh Muaz Bin Jabal ketika ditanya oleh Rasulullah s.a.w:

*“Bagaimana engkau akan memutuskan hukum jika ditanyakan perkara kepadamu?” Mu’adz menjawab, “Saya akan memutuskan perkara itu sesuai dengan hukum Allah (Kitabullah). Apabila aku tidak menjumpai di dalam Kitabullah, aku akan memutuskan dengan Sunnah Rasulullah, saya akan melakukan ijtihad dengan kemampuanku” (Abd Karim Zaidan, 2006).*

Maka proses transformasi Pendidikan Islam telah dirangka berdasarkan pelaksanaan pengajaran guru di sekolah melalui pengubahsuaian melibatkan komponen keupayaan kurikulum, pembentukan budaya sekolah, penambahbaikan pengetahuan guru dan tahap kemampuan pelajar mengaplikasi setiap isi kandungan pembelajaran yang diperolehi agar matlamat pengenalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berorientasikan KBAT dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya membentuk penghayatan akidah yang mantap di kalangan pelajar (Noor Hisham, 2011: Zuraidah, 2013).

## **2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

### **2.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)**

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi menurut (Brookhart, 2010) adalah mempersoalkan, berupaya, memahami dan menganalisa sesuatu untuk memahami pemikiran sendiri dan orang lain. Di antara aktiviti yang boleh dijalankan untuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini adalah melalui berfikir aktif, melihat konteks persekitaraan berdasarkan persepektif yang berbeza dan menyusun setiap idea dengan teratur (Sukiman Saad et al., 2013). Maka dalam kajian ini penelitian difokuskan menerusi perbezaan di antara kelayakan akademik dan pengalaman mengajar dengan pelaksanaan komposisi pengajaran yang mengintegrasikan KBAT. Untuk itu, diperincikan bagaimana keperluan KBAT yang perlu dilaksanakan ketika proses PdP iaitu

#### **2.1.1 Kemahiran membuat kategori**

Kemahiran ini memerlukan keupayaan pelajar untuk membina kefahaman tentang perbezaan yang wujud dalam sesuatu kandungan seperti amalan ibadah yang dikategorikan ibadah atau yang dikategorikan adat. Maka menjadi keperluan kefahaman pelajar di isi dengan pengetahuan amalan ibadah dan adat seperti yang terdapat di dalam kandungan pengajaran (Zainuddin et al., 2005)

#### **2.1.2 Kemahiran menyusun mengikut urutan**

Penyusun mengikut urutan adalah kemahiran yang dijana menerusi pemikiran yang kritikal dan tersusun. Penyusunan ini melibatkan sama ada daripada abstrak kepada kejelasan, mudah kepada susah, khusus kepada umum dan keutamaan kepada kebiasaan. Penyusunan ini dilakukan dengan mengumpul keseluruhan kandungan isi penyusunan dan kemahiran ini memerlukan penganalisaan yang tinggi di dalam memastikan susunan yang dilakukan adalah bertepatan dengan struktur ilmu terbabit (N.S Ragendran, 2001; Zainuddin et al., 2005).

#### **2.1.3 Kemahiran membuat ramalan**

Kemahiran mengandaikan perkara yang dijangka berlaku daripada pendekatan yang kita gunakan adalah melalui terma-terma yang telah ditetapkan. Keupayaan untuk menjangka ini memerlukan menganalisis dan

menilai keseluruhan item agar segala dapat menuju kepada perkembangan yang sepatutnya. Kemampuan membuat ramalan mampu menjadi pembudayaan untuk menganalisis adalah sebahagian kerangka penerapan kepada para pelajar (Shahrom et al., 2008).

#### **2.1.4 Kemahiran Penjanaan idea**

Keupayaan pelajar untuk mengembangkan fakta yang di dapati berdasarkan pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Proses penjanaan idea ini memerlukan penstrukturan dan panduan agar idea yang dikembangkan bertepatan dengan kehendak objektif yang dikendaki. Proses penjanaan idea memerlukan penguasaan kemahiran oleh guru melalui kefahaman berkaitan bagaimana idea yang seharusnya dikembangkan dan dihubungkan dengan idea yang lain (Wan Mat et al., 2011).

#### **2.1.5 Kemahiran mencipta definisi**

Keupayaan pelajar untuk mendefinisikan sesuatu perkara menandakan kefahaman yang ada pada pelajar. Definisi merupakan gambaran keseluruhan sesuatu kandungan ilmu yang menjadi kerangka untuk penghuraian seterusnya yang lebih mendalam. Guru bertanggungjawab membimbing pelajar untuk mempunyai kemahiran dalam pendefinisian sesuatu kandungan ilmu walaupun setiap pelajar mungkin mempunyai kepelbagaian definisi tetapi selagi berada di dalam lingkungan ilmu tersebut, maka definisi harus diterima (Zainuddin et al., 200; Wan Mat et al., 2011).

#### **2.1.6 Kemahiran mencipta analogi**

Proses kemahiran untuk mencipta perumpaan atau analogi memerlukan kefahaman yang sepenuhnya dalam kandungan ilmu kerana menghubungkan kaitkan kandungan ilmu dengan situasi semasa memerlukan keupayaan menganalisa dan mengaplikasi yang tinggi di kalangan pelajar. Ketidakkampuan untuk mencipta analogi menandakan penguasaan yang belum sepenuhnya berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), maka guru perlu menerapkan kemahiran ini di dalam setiap pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang di jalankan (Zainudin et al., 2005; Shahrom & Nur Laili, 2008).

Pelaksanaan KBAT ini melibatkan keseluruhan kandungan pembelajaran dan komponen di sekolah termasuk mata pelajaran pendidikan

Islam. Pengenalan kurikulum, pedagogi dan penilaian yang menekankan KBAT ini di masukkan ke asas Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan pada tahun 2011. Pembentukan kurikulum ini bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) menuntut pembelajaran Pendidikan Islam mengaplikasikan konsep penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan seharian seiring dengan penekanan yang ditekan di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Zuraidah, 2013).

Al-Quran amat menekankan penggunaan akal yang seharusnya melibatkan elemen kefahaman, pengaplikasian, penghayatan dan penerapan dalam kehidupan seharian. Maka peranan akal dibahaskan di dalam al-Quran dengan matlamat bagaimana manusia boleh menggunakan akal seiring dengan peredaran pemikiran manusia pada abad ini. Ini boleh diperjelaskan melalui firman Allah S.W.T bermaksud: (Al-Shafi'I, 2010).

*"Apakah mereka tidak memperhatikan kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang diciptakan Allah, dan (memikirkan) kemungkinan telah dekatnya kebinasaan mereka? Maka kepada berita manakah lagi sesudah (datangnya al-Quran) itu mereka akan beriman?"*

(Al-A'raf: (7): 185)

Maka proses perkembangan budaya penggunaan akal ini di aplikasikan kepada proses pendidikan yang merupakan asas utama kepada perkembangan penggunaan akal dan pemikiran yang beraras tinggi di kalangan pelajar dan ini seiring dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah (Sidek Baba, 2010). Walaupun tumpuan utama kepada mata pelajaran seperti matematik dan sains, mata pelajaran pendidikan Islam juga tidak terkecuali dalam menerapkan elemen pemikiran aras tinggi kerana ianya merupakan saranan yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran (Khairiah, 2013). Maka kajian ini menjadikan proses pengajaran sebagai tumpuan utama kajian dengan aspek permulaan pengajaran diberi penekanan. Ini kerana kebanyakan kajian berkaitan KBAT difokuskan kepada elemen tahap kesediaan guru, kemahiran guru dan sikap guru dalam melaksanakan di dalam PdP.

Atas kerangka keupayaan penggunaan akal ini masyarakat dunia mempercayai bahawa pengetahuan dan kemahiran sangat diperlukan oleh pelajar dalam menghadapi cabaran di abad ke-21. Walaupun terdapat perbezaan dari segi maksud terminalogi kemahiran abad ke-21 (*21<sup>st</sup> century skills*) di antara negara-negara di dunia, namun kesemuanya memberi penekanan terhadap pengetahuan, kemahiran dan nilai (Saavedra & Opfer,

2012). Selain itu, Laporan yang dikeluarkan oleh *Perunding Kestrel Education* daripada England dan *21<sup>st</sup> Century School* daripada Amerika Syarikat pada 2011 menyatakan bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan pelajar di Malaysia masih rendah. Berdasarkan kajian yang dilakukan bagi guru melaksanakan pengajaran yang mengandungi pedagogi berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), ianya berupaya untuk meningkatkan kefahaman dan perubahan dalam amalan sikap pelajar (Boaler, 2008; Siti Marlina, 2013; KPM, 2014).

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh (Ab Halim, 2010) dalam kajian terhadap 89 daripada 91 orang pelajar yang ditemu bual dan melakukan pemerhatian di negeri Selangor, Perak dan Terengganu mendapati bahawa kaedah pengajaran yang kerap digunakan guru ialah kaedah kuliah dan penerangan dalam pengajaran pendidikan Islam. Ini bererti kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam masih berpusatkan guru dan ini menjejaskan tahap kefahaman pelajar. Kajian ini juga mendapati asas permulaan pengajaran antara elemen penting dalam menentukan adakah terdapat pengajaran yang berkesan atau tidak berkesan. Kajian ini disokong berdasarkan kajian (Wan Hassan et al, 2013) mendapati guru-guru pendidikan Islam dalam pengajaran mata pelajaran pendidikan Islam, tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam permulaan pengajaran pendidikan Islam di sekolah berada pada tahap sederhana sahaja disebabkan tumpuan pengajaran kepada kaedah penerangan sahaja. Ini bertentangan dengan amalan pengajaran KBAT yang mengkehendaki BBM digunakan secara optimum khususnya di permulaan pengajaran bagi menjelaskan sesuatu permasalahan terutama yang sepatutnya menggunakan tayangan video, internet interaktif dan jaringan maya.

Ini seiring dengan kajian yang dilakukan oleh (Kamarul Azmi et al., 2012) mendapati guru pendidikan Islam menyampaikan pengajaran menggunakan 80% kaedah kuliah dan syarahan dalam sesuatu masa yang diperuntukkan. Ini menyebabkan wujudkan elemen kebosanan, tiada kefahaman, tidak dapat mengaitkan dengan situasi semasa, mengantuk dan hilang tumpuan di kalangan pelajar. Ini dibuktikan berdasarkan kajian (Siti Marlina, 2013) proses pendidikan itu dijalankan kepada pelajar-pelajar bagi peringkat persekolahan rendah, pembentukan elemen-elemen imaginasi, animasi, fantasi dan muzikal adalah di antara pendekatan yang bersesuaian dalam proses pengajaran yang berkesan kepada peringkat kanak-kanak yang berumur 7-12 tahun.

Akibatnya, generasi Islam yang dihasilkan mungkin bijaksana dan tinggi tahap perkembangan akademik tetapi pada hakikatnya ketidakmampuan menterjemahkan kefahaman yang diperolehi dalam bentuk penghayatan akidah yang mantap serta bertepatan dengan syariat Allah S.W.T. Maka menjadi keperluan keseimbangan ini di praktikan dalam setiap diri pelajar dan ini menjadi keperluan KBAT untuk dilaksanakan di dalam Pendidikan Islam seiring dengan penerapan bagi subjek lain seperti sains dan matematik (Rosnani Hashim, 2012).

Namun kebanyakan kajian berkaitan KBAT khususnya dalam pendidikan Islam tidak menjadikan demografi seperti kelayakan akademik dan pengalaman mengajar berbanding dengan kajian KBAT dalam mata pelajaran lain seperti kajian oleh (Sharifah Nor et al., 2012; Caroline & Abdul Said, 2014) yang mendapati wujud perbezaan signifikan di antara guru bahasa melayu yang mempunyai pengalaman mengajar dengan kurang pengalaman mengajar dalam pelaksanaan KBAT di sekolah manakala kajian oleh (Sukiman et al., 2013) menunjukkan tiada perbezaan dikalangan guru matematik dengan pelaksanaan KBAT. Di samping itu, kajian (Daniel M.F. & Auriac, 2011; Tee, Md Yunos, Mohamad, Yee, 2010; Yew, 2011; A Rahman Haron et al., 2015) mendapati wujudnya perhubungan di antara latar belakang akademik dengan pelaksanaan KBAT di sekolah.

Pembahagian pengkategorian kelayakan akademik dan pengalaman mengajar adalah dijustifikasikan dengan kesamaan seperti kajian-kajian lepas. Kajian-kajian lepas ini menganalisis perbezaan berdasarkan faktor status kelayakan akademik dan pengalaman mengajar (Tee, 2010; Daniel & Auriac, 2011; Yew, 2011; Sharifah Nor et al., 2012; Caroline & Abd Said, 2014; Nor Hasmaliza, 2016).

Selain itu, berdasarkan kajian berkaitan pelaksanaan pengajaran GPI mendapati terdapat perbezaan dari segi kelayakan akademik dan pengalaman mengajar yang memerlukan kajian yang lebih lanjut (Misnan, 2008; Paharuddin, 2014). Ini juga berdasarkan kajian (Tee, 2010; Daniel & Auriac, 2011; Yew, 2011; Sharifah Nor et al., 2012; Sukiman Saad et al., 2013; Caroline & Abd Said, 2014; A Rahman Haron, 2015) mendapati terdapat perkaitan pengalaman mengajar dan kelayakan akademik guru dalam mempengaruhi pengintegrasian pengajaran KBAT dan merupakan penanda aras terbaik berbanding perbandingan terhadap faktor-faktor lain seperti jantina, lokasi sekolah, budaya sekolah, pendidikan keluarga, pendapatan dan saiz kelas.



Untuk itu, pemboleh ubah yang melibatkan kelayakan akademik, pengkategorian melibatkan tiga komponen iaitu diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana. Bagi pemboleh ubah pengalaman mengajar, penetapan ditentukan berdasarkan tempoh masa terdiri daripada tiga komponen iaitu kurang daripada tiga tahun, empat tahun hingga 10 tahun dan 10 tahun ke atas. Ini berdasarkan kajian terdahulu yang mengkategorikan pengalaman guru adalah berdasarkan kitaran tempoh yang ditetapkan (Sharifah Nor et al., 2012; Caroline & Abd Said, 2014; Nor Hasmaliza, 2016). Oleh itu, kajian ini mengisi ruang bagi kajian terdahulu berkaitan bagaimana kelayakan akademik dan pengalaman mengajar dikalangan GPI menerusi pelaksanaan komposisi pengajaran yang mengintegrasikan KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang bersifat kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini dilihat melalui bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula tertentu. Kaedah tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik bertujuan untuk melakukan penilaian yang melibatkan permulaan pengajaran

- b) Perkembangan pengajaran
- c) Penutup pengajaran

Kajian ini dilaksanakan secara inferensi bagi menentukan ciri-ciri pemboleh ubah berdasarkan tiga pemboleh ubah bebas dan dua pemboleh ubah bersandar. Kajian ini menggunakan instrumen pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kajian ini melibatkan GPI-GPI bagi peringkat sekolah rendah di Perak yang berjumlah 400 orang dengan pembahagian taburan kajian menggunakan tiga zon utama di Perak melibatkan Perak Utara, Perak Tengah dan Perak Selatan. Dapatan data yang diperolehi ini akan dianalisis untuk mengenalpasti pelaksanaan komposisi pengajaran GPI berdasarkan KBAT dengan melihat dari perspektif kelayakan akademik dan pengalaman mengajar.

Data telah di ringkaskan dan di analisis berdasarkan jadual 3 berdasarkan analisis frekuensi dan peratus untuk kelayakan akademik dan pengalaman mengajar berdasarkan GPI dalam pelaksanaan KBAT pendidikan

Islam. Kajian ini diteruskan menggunakan analisis MANOVA bagi mengenal pasti perbezaan di antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Ujian *Box's M* juga dijalankan bagi melihat matrik kehomogenan *varian-kovarian*.

#### 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

i. Latar belakang responden kajian adalah seperti jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Analisis frekuensi dan peratus untuk kelayakan akademik dan pengalaman mengajar GPI

Pemboleh Ubah	Frekuensi	Peratus
<b>Kelayakan akademik</b>		
2) Diploma	211	52.75
3) Sarjana Muda	133	20.75
4) Sarjana	46	9.5
<b>Pengalaman Mengajar</b>		
1) kurang 3 tahun	68	17.0
2) 4-10 tahun	83	20.75
3) 10 tahun ke atas	38	9.5

Untuk kelayakan akademik, di dapati ramai guru yang berada pada tahun diploma dan sedang melanjutkan pengajian bagi peringkat ijazah, ini membuktikan guru mempunyai komitmen meningkatkan pengetahuan berkaitan pendekatan pengajaran yang berkesan dan ini merupakan salah satu daripada elemen di dalam pelaksanaan KBAT iaitu guru berpengetahuan. Bagi kategori taraf pendidikan ini, di dapati guru yang mempunyai diploma 211 orang dan diikuti Ijazah sarjana muda seramai 133 orang dan peringkat sarjana seramai 46 orang.

Untuk kategori pengalaman mengajar di dapati guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 13 tahun iaitu seramai 211 orang dan ini menggambarkan tidak akan wujud permasalahan dalam pelaksanaan KBAT ini disebabkan mempunyai asas pengajaran yang mampu dalam mempelbagaikan kaedah yang dapat menarik perhatian pelajar. Bagi kategori pengalaman mengajar ini, guru yang kurang daripada 4 tahun adalah seramai 68 orang, 9 hingga 12 tahun seramai 38 orang dan 5 hingga 8 tahun seramai 83 orang. Ujian *Box's*

M juga dijalankan bagi melihat matrik kehomogenan *varian-kovarian*. Jadual 4 menunjukkan hasil ujian *Box's M* bagi menentukan matrik kehomogenan *varian-kovarian*.

**Jadual 2:** Ujian *Box's Equality of Covariance Matrices*(a)

<b>Box's M</b>	<b>Nilai F</b>	<b>Df1</b>	<b>Df2</b>	<b>Sig.</b>
15.789	1.295	12	152490.220	.213

Jadual 2 menunjukkan keputusan *Ujian Box's M* yang tidak signifikan iaitu  $p > .05$  ( $F = 1.295$ ,  $p = .213$ ). Ini menunjukkan data mematuhi syarat kesamaan kovarian ujian MANOVA iaitu varians bagi ketiga-tiga variabel bersandar merentasi variabel bebas adalah sama dengan populasinya.

Seterusnya ujian *Levene (Levene's Test of Equality of Error Variances)* dijalankan untuk melihat kesamaan varian bagi setiap kategori pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Apabila nilai signifikan yang diperoleh kurang daripada 0.05 ( $p < .05$ ), maka ia menunjukkan terdapatnya perbezaan varian pada pemboleh ubah bersandar berkenaan.

**Jadual 3:** Keputusan *Levene's test of equality of error variances*

<b>Konteks</b>	<b>Nilai F</b>	<b>Df1</b>	<b>Df2</b>	<b>Sig.</b>
Permulaan	.698	2	399	.498
Perkembangan	1.322	2	399	.268
Penutup	.850	2	399	.428

Jadual 3 menunjukkan nilai ujian *Levene* terhadap tiga pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Ujian *Levene* digunakan untuk menguji sama ada varian bagi pemboleh ubah bersandar merentasi kategori-kategori dalam pemboleh ubah bebas adalah sama. Keputusan ujian menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah bersandar memperoleh keputusan yang tidak signifikan pada  $p < .005$  iaitu permulaan  $p < .498$ , perkembangan  $p < .268$  dan penutup  $p < .428$ .

Menerusi analisis MANOVA terdapat beberapa jenis ujian statistik yang boleh digunakan antaranya ialah *Pillai's Trace*, *Wilk's Lambda*, *Hotelling's Trace* dan *Roy's Largest Root*. Keputusan ujian *Wilk's Lambda* dapat dilihat pada jadual 6.

**Jadual 4:** Analisis MANOVA bagi perbezaan permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran di antara Diploma Pendidikan, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana (Kelayakan Akademik)

Kategori	Nilai Wilk's Lambda	Nilai F	Dk antara kumpulan	Dk dalam kumpulan	Sig.
Kelayakan akademik	.981	1.274 <sup>b</sup>	6	796	.267

\*p<.05

Berdasarkan jadual 4 nilai yang diperoleh daripada ujian *Multivariate* menunjukkan tidak signifikan pemboleh ubah bebas kelayakan akademik terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar secara keseluruhan menerusi ujian *Wilk's Lambda* = .981,  $F = 1.274^b$  dan  $Sig. = .267$  ( $p > .05$ ) [ $F(6,796) = 1.27$   $p > .05$ ]. Untuk itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kelayakan akademik terhadap pelaksanaan komposisi pengajaran GPI iaitu permulaan, perkembangan dan penutup menerusi pendidikan Islam sekolah rendah yang mengintegrasikan KBAT.

**Jadual 5:** Ujian Kesan Antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effects)

Pemboleh ubah bersandar	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F.	Sig.
Permulaan	.402	2	.201	1.959	.142
Perkembangan	.470	2	.235	2.234	.108
Penutup	.150	2	.075	1.390	.250

a R Squared = .010 (Adjusted R Squared = .005)

b R Squared = .011 (Adjusted R Squared = .006)

c R Squared = .007 (Adjusted R Squared = .002)

Keputusan analisis *Multivariate Test* menerusi jadual 5 menunjukkan secara keseluruhan tiada kesan utama kategori terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis menunjukkan kesemua pemboleh ubah bersandar tidak signifikan, namun terdapat kesesuaian antara kelayakan akademik dengan permulaan pengajaran [ $F(2,399) = 1.96$ ,  $p > .05$ ], perkembangan pengajaran [ $F(2,399) = 2.23$ ,  $p > .05$ ] dan penutup pengajaran [ $F(2,399) = 1.39$ ,  $p > .05$ ] yang mengintegrasikan KBAT.

Nilai  $R^2$  menerusi jadual 5 menunjukkan kategori menyumbang sejumlah .010 atau 1.0 peratus perubahan dalam pemboleh ubah bersandar permulaan pengajaran. Bagi perkembangan pengajaran, kategori hanya

menyumbangkan sebanyak .011 atau 1.1 peratus dan penutup pengajaran, kategori hanya menyumbangkan sebanyak .007 atau 0.7 peratus.

Jadual 6 menunjukkan nilai min bagi kelayakan akademik (diploma pendidikan, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana) merentasi setiap pemboleh ubah bersandar. Dengan merujuk jadual 6, di dapati kategori permulaan pengajaran dalam populasi kajian lebih tinggi yang memperlihatkan perbezaan dengan diploma pendidikan = 3.77, ijazah sarjana muda = 3.74, ijazah sarjana = 3.66, Perkembangan pengajaran (Diploma pendidikan = 3.61, Ijazah Sarjana Muda = 3.58, Ijazah Sarjana = 3.508) dan penutup pengajaran (Diploma pendidikan = 3.28, Ijazah Sarjana Muda = 3.34, Ijazah Sarjana = 3.32).

**Jadual 6:** Min anggaran marginal (estimated marginal means)

Pemboleh ubah bersandar	Kategori	Mean	Std Error	95% Confidence Interval	
				Lower Bound	Upper Bound
Permulaan Pengajaran	Diploma Pendidikan	3.770	.032	3.707	3.833
	Ijazah Sarjana Muda	3.740	.021	3.700	3.781
	Ijazah Sarjana	3.668	.041	3.586	3.749
Perkembangan Pengajaran	Diploma Pendidikan	3.618	.032	3.555	3.682
	Ijazah Sarjana Muda	3.587	.021	3.546	3.628
	Ijazah Sarjana	3.508	.042	3.425	3.590
Penutup Pengajaran	Diploma Pendidikan	3.334	.023	3.288	3.379
	Ijazah Sarjana Muda	3.377	.015	3.348	3.407
	Ijazah Sarjana	3.382	0.30	3.324	3.441

Secara keseluruhan, keputusan ujian *multivariat Wilk's Lambda* menunjukkan tiada kesan utama pemboleh ubah bebas kelayakan akademik yang signifikan dengan ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar ( $= .981, F = 1.274$  dan  $\text{Sig.} = .267 (p > .05)$  [ $F (6,796 = 1.27, p < .05)$ ]. Berdasarkan keputusan analisis ini, penyelidik bahawa secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kelayakan akademik dengan pelaksanaan komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT dalam pendidikan Islam sekolah rendah.

**ii. Analisis Inferensi (MANOVA)-Pengalaman Mengajar**

Ujian *Box's M* dilaksanakan bagi melihat matrik kehomogenan *varian-kovarian*. Jadual 9 menunjukkan hasil ujian *Box's M* bagi menentukan matrik kehomogenan *varian-kovarian*.

**Jadual 7:** Ujian *box's equality of covariance matrik(a)*

<b>Box's M</b>	<b>Nilai F</b>	<b>Df1</b>	<b>Df2</b>	<b>Sig.</b>
7.184	.592	12	547481.785	.851

Jadual 7 memperlihatkan keputusan Ujian *Box's M* yang tidak signifikan iaitu  $p > .05 (F = .592, p = .851)$ . Ini menunjukkan data mematuhi syarat kesamaan kovarian ujian MANOVA iaitu varian bagi ketiga-tiga variabel bersandar merentasi variabel bebas adalah sama dengan populasinya. Seterusnya, ujian *Levene (Levene's Test of Equality of Error Variances)* dijalankan untuk melihat kesamaan varian bagi setiap kategori pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Apabila nilai signifikan yang diperoleh kurang daripada 0.05 ( $p < .05$ ), maka ia menunjukkan terdapatnya perbezaan varian pada pemboleh ubah bersandar berkenaan.

**Jadual 8:** Keputusan *Levene's Test of equality of error variances*

<b>Konteks</b>	<b>Nilai F</b>	<b>Df1</b>	<b>Df2</b>	<b>Sig.</b>
Permulaan	.494	2	399	.611
Perkembangan	.304	2	399	.738
Penutup	.188	2	399	.829

\*Sig. pada aras 0.05

Jadual 8 menunjukkan nilai ujian *Levene* terhadap tiga pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Ujian *Levene* digunakan untuk menguji sama ada varians bagi pemboleh ubah bersandar merentasi kategori-kategori dalam pemboleh ubah bebas adalah sama. Keputusan ujian menunjukkan kesemua pemboleh ubah bersandar memperoleh keputusan yang tidak signifikan pada  $p > .05$  iaitu permulaan  $p < .611$ , perkembangan  $p < .738$  dan penutup  $p < .829$ .

Menerusi analisis MANOVA terdapat beberapa jenis ujian statistik yang boleh digunakan. Antaranya ialah *Pillai's Trace*, *Wilk's Lambda*, *Hotelling's Trace* dan *Roy's Largest Root*. Keputusan ujian *Wilk's Lambda* dapat dilihat menerusi jadual 11 seperti berikut.

**Jadual 9:** Analisis MANOVA bagi perbezaan permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran di antara pengalaman mengajar

Kategori	Nilai <i>Wilk's Lambda</i>	Nilai F	Dk antara kumpulan	Dk dalam kumpulan	Sig.
Pengalaman mengajar	.963	2.499 <sup>b</sup>	6	794	.021

\* $p < .05$

Berdasarkan jadual 9, nilai yang diperoleh daripada ujian *Multivariate* menunjukkan terdapat signifikan pemboleh ubah bebas pengalaman mengajar terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar menerusi secara keseluruhannya = *Wilk's Lambda* .963,  $F = 2.499^b$  dan  $\text{Sig.} = .021$  ( $p < .05$ ) [ $F(6,794) = .021$   $p < .05$ ]. Dengan itu, hipotesis yang kedua ( $H_0^{1-2}$ ) ditolak iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar terhadap pelaksanaan komposisi pengajaran GPI iaitu permulaan, perkembangan dan penutup dalam pendidikan akidah sekolah rendah yang mengintegrasikan KBAT.

**Jadual 10:** Ujian Kesan antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effects)

Pemboleh ubah bersandar	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F.	Sig.
Permulaan	.347	2	.174	1.691	.186
Perkembangan	1.022	2	.511	4.849	.008
Penutup	.387	2	.193	2.865	.058

a R Squared = .008 (Adjusted R Squared = .003)

b R Squared = .024 (Adjusted R Squared = .019)

c R Squared = .014 (Adjusted R Squared = .009)

Keputusan analisis jadual 10 *Multivariate Test* menunjukkan bahawa secara keseluruhan ada kesan utama kategori terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis MANOVA menunjukkan kewujudan kesan utama pengalaman mengajar yang signifikan terhadap satu daripada tiga pemboleh ubah bersandar iaitu perkembangan pengajaran [F (2,399) = 4.85,  $p < .05$ ]. Ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar GPI mempengaruhi pelaksanaan peringkat perkembangan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT. Manakala dua pemboleh ubah bersandar iaitu permulaan pengajaran dan penutup pengajaran mencatatkan nilai yang tidak signifikan iaitu permulaan [F (2,399) = 1.69,  $p > .05$ ] dan penutup [F (2,399) = 2.87  $p > .05$ ].

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat kesesuaian antara pengalaman mengajar terhadap pelaksanaan komposisi pengajaran yang mengintegrasikan KBAT mengikut permulaan, perkembangan dan penutup. Nilai  $R^2$  menerusi jadual 12 memperlihatkan kategori menyumbang sebanyak .008 atau 0.8 peratus perubahan dalam pemboleh ubah bersandar permulaan pengajaran. Bagi perkembangan pengajaran, kategori hanya menyumbang sebanyak .024 atau 2.4 peratus dan penutup pengajaran, kategori hanya menyumbang sebanyak .014 atau 1.4 peratus.

Bagi jadual 11 menunjukkan nilai min bagi pengalaman mengajar merentasi setiap pemboleh ubah bersandar. Menerusi jadual 4.42, didapati min kajian lebih tinggi bagi permulaan dan perkembangan pengajaran untuk GPI yang berpengalaman 10 tahun ke atas dengan menunjukkan perbezaan bagi kategori GPI yang 3 tahun hingga 10 tahun dan kurang dari 3 tahun. Walau bagaimanapun, nilai min bagi penutup pengajaran menunjukkan GPI yang kurang dari 3 tahun mengatasi min untuk GPI yang berpengalaman 3 tahun hingga 10 tahun dan 10 tahun ke atas

Secara keseluruhan, keputusan ujian *multivariate* menunjukkan terdapat kesan utama pemboleh ubah bebas pengalaman mengajar yang signifikan dengan = *Wilk's Lambda* .978,  $F = 1.475$  dan  $\text{Sig.} = .184$  ( $p > .05$ ) [F (6,794) = 1.48  $p > .05$ ] terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan keputusan analisis ini, penyelidik menolak hipotesis nul dan melaporkan secara keseluruhannya terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan pelaksanaan komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT dalam pendidikan akidah sekolah rendah.



**Jadual 11:** Min Anggaran Marginal (Estimated Marginal Means)

Pemboleh ubah bersandar	Kategori	Mean	Std Error	95% Confidence Interval	
				Lower Bound	Upper Bound
Permulaan Pengajaran	Kurang dari 3 tahun	3.665	.032	3.602	3.728
	3 tahun hingga 10 tahun	3.695	.027	3.643	3.748
	10 tahun ke atas	3.738	.025	3.688	3.788
Perkembangan Pengajaran	Kurang dari 3 tahun	3.530	.032	3.466	3.593
	3 tahun hingga 10 tahun	3.596	.027	3.543	3.650
	10 tahun ke atas	3.658	.026	3.607	3.708
Penutup Pengajaran	Kurang dari 3 tahun	3.424	.026	3.373	3.475
	3 tahun hingga 10 tahun	3.362	.022	3.319	3.405
	10 tahun ke atas	3.347	.021	3.306	3.387

Perbincangan bagi analisis inferensi perbezaan yang melibatkan pemboleh ubah bebas dari soal selidik iaitu kelayakan akademik dan pengalaman mengajar. Perbincangan kajian ini di selarikan dengan kajian-kajian lepas berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

**i. Perbezaan Komposisi Pengajaran GPI yang Mengintegrasikan KBAT (Kelayakan Akademik)**

Perbincangan tentang faktor kelayakan akademik (diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana) menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi komposisi pengajaran GPI iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup pengajaran. Dapatan kajian ini

menandakan faktor kelayakan akademik tidak memberikan pengaruh yang besar terhadap pelaksanaan komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT dalam pendidikan akidah.

Dapatan kajian ini seiring dengan kajian (Sukiman et al., 2013) iaitu faktor kelayakan akademik tidak memaparkan kesan kepada pelaksanaan pengamalan KBAT dalam bilik darjah. Walau pun kajian ini berkaitan konteks bidang matematik namun dari segi perhubungan di antara ciri-ciri kelayakan akademik dan pengamalan pengajaran KBAT mempunyai nilai kesamaan. Kajian ini juga menunjukkan pertentangan dengan kajian-kajian lain yang dijalankan bagi mata pelajaran tertentu seperti bahasa melayu, sains dan sejarah menerusi kewujudan hubungan yang signifikan di antara kelayakan akademik dan pengamalan KBAT (Daniel & Auriac, 2011; Tee et al., 2010; Yew, 2011; A Rahman Haron, 2015).

Namun dari segi konteks pendidikan Islam, kajian ini bertepatan dengan dapatan dari kajian (Mohd Yusof, 2016) yang menunjukkan faktor akademik tidak mempengaruhi pelaksanaan secara keseluruhan pengamalan kreativiti di dalam pengajaran GPI. Antara faktor yang boleh diketengahkan ialah perhubungan di antara pengetahuan ilmu dengan pengamalan dalam bilik darjah. Walau pun mempunyai ketinggian kelulusan tetapi sekiranya dari segi pengamalan mempunyai kekurangan, maka proses pengajaran akan menjadi terbatas dan tidak mempunyai kepelbagaian.

Sebaliknya dari segi pengamalan, pendedahan dengan kursus, bengkel-bengkel dan seminar yang dikendalikan pihak KPM merupakan elemen penting bagi memastikan guru dapat melaksanakan pengajaran secara KBAT dengan berkesan di bilik darjah. Maka menerusi konteks sistem pendidikan di Malaysia, semua guru di dedahkan dengan perkara yang sama dalam kursus yang diberikan tanpa melibatkan perkaitan dari segi konteks kelayakan akademik. Untuk itu, faktor kelayakan akademik bukan merupakan perkara penting yang mempengaruhi pelaksanaan komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT dalam pendidikan akidah.

## **ii. Perbezaan Komposisi Pengajaran GPI yang Mengintegrasikan KBAT (Pengalaman Mengajar)**

Perbincangan tentang faktor pengalaman mengajar (bawah 3 tahun, 4 tahun hingga 10 tahun dan 10 tahun ke atas) menunjukkan dapatan keseluruhan terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi komposisi pengajaran GPI. Perbezaan ini walau pun hanya melibatkan

perkembangan pengajaran namun bagi dapatan keseluruhan menunjukkan wujud perbezaan berdasarkan pengalaman mengajar ini dengan pelaksanaan komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT. Dapatan kajian ini menandakan faktor pengalaman mengajar memberikan pengaruh yang besar terhadap pelaksanaan komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT dalam pendidikan akidah.

Dapatan ini seiring dengan kajian oleh (Sharifah Nor et al., 2012; Caroline & Abd Said, 2014) yang menyatakan terdapat perbezaan di antara pengalaman mengajar dengan pelaksanaan KBAT dalam bilik darjah walau pun kajian ini dalam konteks mata pelajaran bahasa melayu. Namun dari segi ciri-ciri pengalaman dengan pelaksanaan KBAT mempunyai nilai kesamaan. Dapatan yang sama juga ditunjukkan oleh kajian (Hamdi et al., 2012) yang melaporkan guru yang berpengalaman lebih sebelas tahun memperolehi skor min yang lebih tinggi berbanding guru yang hanya mempunyai pengalaman di bawah lima tahun.

Namun dapatan ini ada pertentangan dengan beberapa kajian lain seperti kajian (Seri Hayati, 2010; Ab Halim et al., 2011; Mohd Norzi, 2013) yang menyatakan faktor pengalaman mengajar guru tidak mempunyai perhubungan yang signifikan sama ada dari aspek amalan pengajaran guru, penilaian dan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam. Faktor dapatan kajian ini yang menunjukkan pertentangan dengan beberapa kajian lain mungkin disebabkan latar belakang kajian, batasan kajian, konstruk yang di uji dan kaedah pengujian yang digunakan tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Selain itu, kajian oleh penyelidik bersandarkan pelaksanaan KBAT yang asasnya lebih berfokus kepada elemen pelaksanaan, pengetahuan dan kemahiran yang mana faktor pengalaman memainkan peranan yang penting.

## **5.0 KESIMPULAN**

Keseluruhannya kajian ini telah memperlihatkan faktor kelayakan akademik dan pengalaman mengajar merupakan elemen yang dapat menentukan keberkesanaan pelaksanaan pengintegrasian KBAT di laksanakan. Ini di asaskan menerusi penstrukturan pengajaran yang melibatkan permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran. Bagi jalinan komposisi dengan keupayaan tahap akademik menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan sama ada bagi guru yang mempunyai

diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana. Namun, bagi aspek pengalaman mengajar menunjukkan perbezaan khususnya pada peringkat perkembangan pengajaran iaitu guru yang berpengalaman lebih berupaya menghasilkan PdP berorientasikan KBAT berbanding dengan guru novis. Ini dipengaruhi oleh faktor pengalaman yang merupakan asas kekuatan untuk guru melaksanakan aktiviti, penghasilan bahan dan penilaian yang mengintegrasikan konsep KBAT di dalam PdP. Oleh itu, guru-guru GPI di negeri Perak perlu mempertingkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran bagi memastikan penerapan KBAT dapat dilaksanakan dengan menyeluruh dan bertepatan dengan konsepnya.

## **PENGHARGAAN**

Penulis mengucapkan ucapan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana menyediakan fasiliti dalam menyediakan artikel ini.

## **RUJUKAN**

- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam salak didik dengan elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 5, Bil. 1. 53-60.
- Abd Karim Zaidan. (2006). *Al-Wajiz fil Usul Fiqh*. Lebanon: Resalah Publishers
- Amabile M, Hennessey A, Beth. & Teressa. (2010). Creativity. *Annual Review of Psychology*; 61, 569-598.
- Al-Shāfi'i, Hasan Muhammad. (2010). *Lamhāt Min al-Fikr al-Kalāmī*. Qahirah: Dar al-Basair
- Boaler, Jo. (2008). Promoting relational equity and high mathematics achievement through an innovative mixed ability approach. *British Educational Research Journal*. 34(2), 167-194.
- Brookhart, Susan. (2010). *How to Assess Higher Order Thinking Skills in Your Classroom*. Washington DC: Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD).

- Caroline@Lorena David & Abdul Said Ambotang. (2014). *Profesionalisme guru novis dalam pengurusan pengetahuan, kesediaan mengajar dan kemahiran berfikir aras tinggi terhadap pelaksanaan pengajaran di sekolah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik penyelidikan-Ujian Univariat dan Multivariat (Buku 4) Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Cohen, Jacob, Lawrence Manion & Keith Marrison (2011). *Research Method in Education (Seventh Edition)*. London. Routledge: Francais and Taylor Group.
- Cresswell, John. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (3<sup>rd</sup> Edition)*. London: Sage Publication.
- Daniel, M-F.& Auriac, E. (2011). Philosophy, critical thinking and philosophy for children. *Educational Philosophy and Theory*, 43(5), 415-435.
- Field, Andy. (2012). *Discovering statistics using SPSS*. London, : SAGE.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri & Rosadah Abd Majid. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran): *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 2012, 11-24.
- Joseph F. Hair Jr, Rolph Anderson Ron Tatham, William C. Black. (2009). *Multivariate data analysis with reading*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Joseph F. Hair Jr, Rolph Anderson Ron Tatham, William C. Black. (2014). *Multivariate Data Analysis 3rd edition Edition*. New Jersey: Pearson International Edition.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam Basic Components for Islamic Education Teacher Training; *Global Journal al-Thaqafah (Scopus Journal)* 2 (2), 53-63.
- Khairiah, 2013 Khairiah Razali. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pendidikan Islam*. Batu Pahat: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPM, 2014 Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah (DSKP), Pendidikan Islam Tahun 5 (KSSR)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krejciec, R.V & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample saiz for research activities, education and psychological measurement*, 30, 608-619.
- Misnan Jemali. (2008). Amalan pengajaran dan pembelajaran tilawah Al-Quran sekolah-sekolah menengah. *Tesis Ph.D*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan Edisi ke 7*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusoff Dagang. (2016). Amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah negeri Johor, *Tesis Ph.D.* Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn.
- Mohd Norzi. (2013). Pendekatan Nabawi Berasaskan Amthal dalam Hadis dalam karya Al-Ramahurzi. *Tesis Ph.D.* Bangi, Kolej Universiti Islam Selangor.
- Norhasmaliza Hassan & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu –JPBM (Malay Language Education Journal – 6, Bil. 2, 78-90.*
- Noor Hisham Md Nawawi. (2011). Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden. *Kongres pengajaran dan pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Hotel Vistana Pulau Pinang.*
- Ragendran, Nagappan. S. (2008). *Teaching & Acquiring Higher-Order Thinking Skills: Theory & Practice*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paharudin Arbain. (2014). Eksposi pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran program j-QAF. *Tesis Ph.D.* Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual a Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows ,4<sup>rd</sup> Edition*. New South Wales: Crows West.
- Rosnani Hashim. (2011). Developing capacities for critical thinking and philosophical reasoning in schools. *The role of universities in promoting dialogue through philosophy (pp. 11-12)*. Kuala Lumpur: Centre for Civilizational Dialogue, University Malaya.
- Saavedra, Anna Rosefsky & Opfer, V. Darleen (2012). Learning 21<sup>st</sup>-century skills requires 21<sup>st</sup>-century teaching. *Phi Delta Kappan International, 94(2), 8-13.*
- Seri Hayati Husin. (2010). Asas-asas akidah dalam pendidikan awal kanak-kanak menurut perspektif Islam. *Tesis Me.d.* Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sidek Baba. (2011). *Tajdid Ilmu Dan Pendidikan*. Selangor: Gemilang Press Sdn. Bhd.
- Siti Marlina Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar tingkatan lima dalam penyelesaian matematik*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.

- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis & Aliza Ali. (2012). Keprihatinan guru bahasa melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: 2180-4842. Vol. 2, Bil. 2.*
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. (2013). Pengajaran kemahiran berfikir: persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, 2(1), 18-36.*
- Tabachnick Barbara.G. & Fidell, Linda.S. (2001). *Using multivariate statistic. Ed. Ke-4.* New York: Harper & Row Publishers.
- Tee, Tze. K. Jong, Md Yunos, Jelani., Mohamad Othman & Yee Mei Heong. (2010). The Evaluation of Thinking Skills based on Taxonomy of Anderson and Krathwohl. *Proceeding RCEE & RHed.* Universiti Teknologi Malaysia.
- Yew. K. K. (2011). *You Are Creative: Let Your Creative Bloom.* Puchong: Anvantage Quest Publication.
- Wan Hassan Wan Embong, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Zulkiflee Haron & Mohd Nasir Ripin. (2013). Penggunaan BBM dalam pendidikan akidah: kajian kes guru cemerlang pendidikan Islam. *Proceeding of SIST, Yogyakarta Indonesia.*
- Zuraidah Abdullah. (2013). *Hala tuju pendidikan pra sekolah di Malaysia.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

